

Pengaruh agama menyeluruh: PM

B.H 15 SEP 1993



KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, agama memainkan pengaruh besar dalam kehidupan dan tidak boleh dianggap sebagai ajaran kerohanian yang hanya memberi kesan kepada masyarakat di peringkat individu saja.

Menurut Perdana Menteri, agama yang memandu ke arah kebenaran bagi membentuk keadilan dalam segenap bidang memberi manfaat kepada seluruh masyarakat.

Katanya, agama juga bertindak dalam menetapkan prinsip yang menentukan perkembangan fizikal, material dan kerohanian serta peningkatan diri manusia.

Berucap di Seminar Peranan dan Pengaruh Agama Dalam Masyarakat, di sini, Dr Mahathir berkata, agama berupaya memandu manusia ke arah keseimbangan hidup, membentuk panduan hidup sebenar dan kekuatan motivasi ke arah men-

capai hidup bermakna.

Seminar empat hari itu adalah anjuran bersama Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dan Institut Goethe Kuala Lumpur. Kira-kira 300 peserta di kalangan sarjana dan pemikir antarabangsa dari Jerman, Amerika Syarikat dan Malaysia menghadiri seminar itu.

Dr Mahathir berkata, isu yang perlu ditangani ialah bagaimana melahirkan rakyat yang mempunyai kesedaran agama mendalam, komited terhadap etika dan moral.

Di samping itu, katanya, mereka juga perlu bersikap progresif, dinamik dan berusaha ke arah kemajuan.

Menurutnya, perkara itu sangat penting kerana kemajuan kebendaan, perancangan fizikal dan pembangunan mudah untuk dicapai tetapi ia akan hancur jika tiada nilai moral di kalangan mereka yang mengendalikannya.

"Kita sudah melihat perkara ini berlaku di pe-

ringkat individu dan keluarga, kejatuhan empayar dan menyaksikan hari ini kehancuran tamadun," katanya.

Dr Mahathir berkata, kesedaran juga perlu bagi mengimbangi pembangunan secara bersepadu, iaitu perancangan dan pembangunan memerlukan pemupukan nilai kerohanian yang tinggi.

"Setakat ini, kita sudah mengabaikan aspek ini (kerohanian) dalam pembangunan, terutama di peringkat awal perancangan," katanya.

Menurutnya, umat Islam sudah lama menghadapi penderitaan, antaranya kelemahan dan ditindas serta menghadapi penyakit psikologi dan cuba untuk membebaskan diri tetapi menafsirkan Islam melalui cara yang tidak Islam.

"Melalui cara ini, Islam dan umatnya mendapat nama buruk," katanya.

Perdana Menteri berkata, golongan esktrimis pula adalah racun bagi

orang Islam yang sebenarnya menghalang daripada memahami ajaran Islam sebenar.

Beliau juga menyentuh model kelompok masyarakat yang ada di seluruh dunia seperti komunis yang menolak semua agama dan akhirnya mereka menemui kehancuran.

Dr Mahathir berkata, dalam dua kelompok esktrim itu ada tiga kategori masyarakat, iaitu masyarakat Kristian Barat yang membataskan agama dalam urusan kehidupan persendirian semata-mata.

Kedua, model masyarakat Asia Timur yang mencapai kemajuan ekonomi pesat tetapi dalam masa yang sama berpegang kepada nilai tradisi dan keagamaan tanpa mensekularkan agama mereka.

Ketiga, masyarakat Islam yang mempunyai kepercayaan kukuh terhadap agama tetapi terkeliru dengan kemunculan pelbagai bentuk mazhab dan akidah.